



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 4 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEMENTERIAN PERTANIAN PERUNTUK RM210 JUTA MODENKAN AGROMAKANAN, UM-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDSTURI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	DEMAND RISING FOR LOCAL DRIED CHILLIES, NATIONAL, THE SUN-3 DEMAND RISING FOR LOCALLY PRODUCING DRIED CHILLIES,HOME, BORNEO POST KUCHING-11 FAMA WANTS MORE OUTLETS TO USE AGROBAZAAR ONLINE TECHNOLOGY, MALAY MAIL-ONLINE FAMA MAHU LEBIH BANYAK OUTLET GUNA TEKNOLOGI, SH-ONLINE FAMA AGIH 850 KG PELBAGAI JENIS SAYURAN, SH-ONLINE FAMA MAHU LEBIH BANYAK OUTLET GUNA AGROBAZAAR ONLINE, BH-ONLINE FAMA MAHU LEBIH BANYAK OUTLET GUNA TEKNOLOGI AGROBAZAAR, BERNAMA-ONLINE FAMA WANTS MORE OUTLETS TO USE AGROBAZAAR ONLINE TECHNOLOGY, BERNAMA-ONLINE PENGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PEMASARAN, RTM 1-BERITA NASIONAL CILI KERING KELUARAN TEMPATAN DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN, BERNAMA-ONLINE FAMA BANTU RINGANKAN BEBAN RAKYAT, WACANA.MY-ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2.0 RANCAKKAN INDUSTRI NANAS MALAYSIA, SH-ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
14.	PESAWAH RUGI BENIH PADI HANYUT, KOSMO-ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
15. 16. 17. 18.	68 KAMBING BOER SELUDUP DIRAMPAS, HM-ONLINE UNIMAP CIPTA MESIN AUTOMASI PERTANIAN, HM-ONLINE ARNAB BAWA REZEKI, UM-ONLINE STF AGRICULTURE BANTU RINGANKAN BEBAN PETANI BUAH - BUAHAN DI BEUFORT, SABAHNEWS.COM-ONLINE	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

KEMENTERIAN PERTANIAN PERUNTUK RM210 JUTA MODENKAN AGROMAKANAN



RONALD KIANDEE

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, menyediakan sebanyak RM210 juta menerusi program Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan bagi tujuan membangunkan usahawan dalam bidang pertanian dan penternakan di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, daripada jumlah tersebut sebanyak RM150 juta diperuntukkan untuk Program Pemodenan Vesel Dan Mekanisasi Tangkapan serta RM60 juta bagi Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan.

Menerusi pembiayaan ini katanya, usahawan boleh mendapatkan peralatan dan teknologi berteraskan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) seperti robotik, dron dan *blockchain* sehingga berjumlah RM1 juta pada kadar sehingga 3.5 peratus setahun bagi tempoh sehingga 10 tahun.

“Daripada sudut Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan, ia turut diperluaskan daripada Vesel Zon A dan Zon B kepada Zon C dan Zon C2 untuk pemain industri menaik taraf dan memodenkan vesel dari aspek keselamatan serta peningkatan kualiti hasil tangkapan.

“Secara tidak langsung, ia dapat menarik minat warga tempatan terutamanya golongan belia menceburkan diri dalam sektor perikanan tangkapan seterusnya mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari.

Beliau berkata, inisiatif itu seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang mengenal pasti pertanian pintar sebagai satu aktiviti strategik dan berimpak tinggi yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara.

“Agromakanan adalah sektor yang dapat mengekalkan daya tahan ketika berdepan beberapa krisis dunia apabila mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 2.3 peratus pada tahun lalu, manakala sumbangan agromakanan kepada KDNK pertanian juga meningkat daripada RM44.2 bilion pada tahun 2015 kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020.

“Jadi saya yakin apabila penggunaan teknologi diaplikasikan, ia akan membawa manfaat besar kepada sektor agromakanan dan kementerian akan terus komited dalam mendukung aspirasi pemodenan sektor berkenaan bagi peningkatan produktiviti dan mengukuhkan tahap keselamatan makanan negara,” katanya.-UTUSAN ONLINE



03 NOV, 2021

Demand rising for local dried chillies

The Sun, Malaysia

Page 1 of 2

Demand rising for local dried chillies

KUALA LUMPUR: Business keeps growing for Imperia Asia International thanks to increasing domestic demand for dried chillies.

From cultivating 1,000 plants in polybags in early 2020, it now has 120,000 plants at the farm in Teluk Intan, Perak, said its project manager, Amirul Syafiq Adnan, 35.

The producer of premium quality dried chillies said it is able to sell 500-600 packets online per day to customers across the country, and that the sales value since June stood at RM65,000.

"We officially started selling (dried chillies) in June (2021), and it all started in Teluk Intan, Perak.

"When we couldn't keep up with demand, the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) helped to draw up a marketing partner contract that allowed us to recruit smallholders.

"There are many smallholdings in Teluk Intan," he told Bernama when met at the My Best Buy programme at Fama's headquarters.

Amirul Syafiq said the contract brought benefits to both parties, with the company ensured an adequate chilli supply and the smallholders a market for their crop.

With the help of Fama, too, Imperia Asia International is making foray into South Korea, Hong Kong, Japan and Taiwan.



03 NOV, 2021

Demand rising for local dried chillies

[The Sun, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Business keeps growing for Imperia Asia International thanks to increasing domestic demand for dried chillies. From cultivating 1,000 plants in polybags in early 2020, it now has 120,000 plants at the farm in Teluk Intan, Perak, said its project manager, Amirul Syafiq Adnan, 35.



03 NOV, 2021

Demand rising for locally-produced dried chillies

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

Demand rising for locally-produced dried chillies

KUALA LUMPUR: Business keeps growing for Imperia Asia International thanks to increasing domestic demand for dried chillies.

From cultivating 1,000 plants in polybags in early 2020, it now has 120,000 plants at the farm in Teluk Intan, Perak, said its project manager, Amirul Syafiq Adnan, 35.

The producer of premium quality dried chillies said it is able to sell 500 - 600 packets online per day to customers across the country, and that the

sales value since June stood at RM65,000.

"We officially started selling (dried chillies) in June (2021), and it all started in Teluk Intan, Perak.

"When we couldn't keep up with demand, the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) helped draw up a marketing partner contract (RPKP) that allowed us to recruit smallholders,

"There are many smallholdings in Teluk Intan," he told Bernama when met at the My Best Buy

(MBB) programme at Fama's headquarters.

Amirul Syafiq said the contract brought benefits to both parties, with the company ensured a chilli supply and the smallholders a market for their crop.

With the help of Fama, too, Imperia Asia International is making its first foray into South Korea, Hong Kong, Japan and Taiwan, with the Middle East coming after.

"So we're in the midst of preparing the necessary

certificates, halal (assurance) and (implementing) good manufacturing practices (GMP) to guarantee the quality of the dried chillies.

"We want the whole world to know about Malaysian chillies. If we can get into first world countries, even better," he said.

Imperia Asia International's dried chillies are available for purchase online at Shopee and Imperia Asia Agro Farm's Facebook and Instagram platforms. — Bernama



03 NOV, 2021

Demand rising for locally-produced dried chillies

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Business keeps growing for Imperia Asia International thanks to increasing domestic demand for dried chillies: From c u l t i v a t i n g 1,000 plants i n polybags in early 2020, i t n o w h a s 120,000 p l a n t s at the f a r m in Teluk Intan, Perak said its project manager, Amirul Syafiq Adnan, 35.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	MALAYMAIL	ONLINE	-

FAMA WANTS MORE OUTLETS TO USE AGROBAZAAR ONLINE TECHNOLOGY



Fama will get more marketing outlets under the agency to use the e-commerce platform, AgroBazaar online. — AFP pic

KUALA LUMPUR, Nov 3 — The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) will get more marketing outlets under the agency to use the e-commerce platform, AgroBazaar online.

Fama director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli said the outlets had to be registered under Agro Bazaar Online for their purchase transaction and delivery to be done online.

“These outlets need to have added value, whereby through online marketing using AgroBazaar Online, the orders will be delivered.

“This reduces operation cost, customers do not have to come (to the store) but the goods can be delivered to their homes. This way, we can also create job opportunities, as delivery men,” he told a press conference after the prize-giving ceremony for the Virtual Mafi Masak Challenge (MMC) at the Fama Headquarters here, today.

Meanwhile, Agriculture and Food Industries Deputy Minister II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said the use of AgroBazaar online could reduce operating costs, including on transportation.

“Fama has succeeded in moving forward to ensure that agriculture has progressed in line with current agricultural technologies that are used in many developed countries and Malaysia is not left behind in this aspect,” he said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	-

FAMA MAHU LEBIH BANYAK OUTLET GUNA TEKNOLOGI



KUALA LUMPUR - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menarik lebih banyak outlet pemasaran di bawah agensi itu menggunakan platform e-dagang, AgroBazaar Online.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali berkata, outlet tersebut perlu mendaftar di bawah AgroBazaar Online supaya sesi pembelian dan penghantaran boleh dibuat secara dalam talian.

“Outlet-outlet ini perlu ada nilai tambah, iaitu menerusi pemasaran secara online (dalam talian) yang kita gabungkan melalui AgroBazaar Online. Ia akan melaksanakan prapesanan dan penghantaran sekali.

“Kita kurangkan kos operasi, orang tidak perlu datang (ke kedai) tetapi barang boleh dihantar ke rumah, kita boleh juga wujudkan peluang pekerjaan untuk penghantaran,” katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian hadiah program Virtual MAFI Masak Challenge (MMC) di Ibu Pejabat FAMA di sini pada Rabu.

Kini, sebanyak 2,490 outlet dan 39,896 usahawan telah dibangunkan melalui portal membeli-belah dalam talian yang dibangunkan sejak 2015.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pembelian dalam talian kini menjadi trend dan usahawan perlu memanfaatkannya untuk penjimatan kos pengoperasian.

“Malah, penggunaan teknologi juga akan menyaksikan banyak penjimatan terutama kepada pengguna. Sebagai contoh, jika pengguna nak beli sayur, tidak lagi perlu keluar menggunakan kenderaan,” katanya.

Beliau turut mengucapkan syabas kepada FAMA kerana berjaya memastikan pertanian dan teknologi yang digunakan di negara ini setanding teknologi semasa yang diguna pakai di negara-negara maju.

Sebanyak 21 orang pemenang menerima hadiah bagi program MMC daripada dua kategori iaitu kategori pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta dan Awam serta kategori berpasangan iaitu seorang kanak-kanak dan seorang dewasa. -Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	-

FAMA AGIH 850 KG PELBAGAI JENIS SAYURAN



Saiful mengagihkan sayuran dan pisang kepada ibu tunggal pada program MAFI Prihatin Pekan di Kolej Komuniti Pekan pada Rabu.

PEKAN - Sebanyak 850 kilogram (kg) pelbagai jenis sayuran termasuk pisang berangan telah diagihkan kepada 100 ketua isi rumah (KIRa) ibu tunggal di daerah ini.

Pengarah Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang, Saiful Sadri berkata, agihan itu dilakukan bagi membantu meringankan beban golongan ibu tunggal yang terkesan susulan pandemik Covid-19.

Menurutnya, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFi) Prihatin merupakan kali pertama diadakan khusus untuk golongan terbabit.

"Sepanjang tahun ini kita mengadakan pelbagai program CSR di bawah MAFI membabitkan sumbangan sayuran dan buah-buahan kepada petugas barisan hadapan, rumah kebajikan, asnaf, mangsa bencana alam dan mereka yang terkesan dengan PKP.

"Kita turut memberikan kira-kira 2.5 tan keledak, pisang dan labu manis kepada Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah Lanchang, Temerloh yang menempatkan 32 ekor gajah," katanya.

Beliau berkata demikian pada program MAFI Prihatin Pekan yang mengagihkan sayuran dan pisang berangan kepada 100 ibu tunggal di Kolej Komuniti Pekan pada Rabu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah (Pembangunan) FAMA, Yazid Yusob dan Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Noranyza Mohamad Yusoff.

Antara sayuran yang diagihkan ialah kacang bendi, sawi, terung mini, keledak oren dan ubi kayu serta pisang berangan.

Katanya, program terbabit juga dapat membantu memasarkan hasil pertanian yang dikeluarkan oleh enam usahawan FAMA di negeri ini.

Jelas Saiful, pihaknya akan terus mengadakan program MAFI prihatin FAMA Pahang secara berperingkat dalam usaha membantu golongan memerlukan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	-

FAMA MAHU LEBIH BANYAK OUTLET GUNA AGROBAZAAR ONLINE



KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menarik lebih banyak outlet pemasaran di bawah agensi itu menggunakan platform e-dagang, AgroBazaar Online.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali, berkata outlet berkenaan perlu mendaftar di bawah AgroBazaar Online supaya sesi pembelian dan penghantaran boleh dibuat secara dalam talian.

"Outlet ini perlu ada nilai tambah iaitu menerusi pemasaran secara dalam talian yang kita gabungkan melalui AgroBazaar Online. Ia akan melaksanakan prapesanan dan penghantaran sekali.

"Kita kurangkan kos operasi, orang tidak perlu datang (ke kedai) tetapi barang boleh dihantar ke rumah, jadi kita juga boleh wujudkan peluang pekerjaan untuk penghantaran," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian hadiah program Virtual MAFI Masak Challenge (MMC) di Ibu Pejabat FAMA di sini, hari ini.

Sebanyak 2,490 outlet dan 39,896 usahawan sudah dibangunkan melalui portal beli-belah dalam talian yang dibangunkan sejak 2015.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pembelian dalam talian kini menjadi trend dan usahawan perlu memanfaatkannya untuk penjimatan kos pengoperasian.

"Malah, penggunaan teknologi juga akan menyaksikan banyak penjimatan terutama kepada pengguna. Sebagai contoh, jika pengguna mahu membeli sayur, tidak lagi perlu keluar menggunakan kenderaan," katanya.

Beliau berkata, FAMA berjaya memastikan pertanian dan teknologi digunakan di negara ini setanding teknologi semasa diguna pakai di negara maju. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	BERNAMA	ONLINE	-

FAMA MAHU LEBIH BANYAK OUTLET GUNA TEKNOLOGI AGROBAZAAR ONLINE



Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razalli (kanan), Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (tengah)

KUALA LUMPUR, 3 Nov -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menarik lebih banyak outlet pemasaran di bawah agensi itu menggunakan platform e-dagang, AgroBazaar Online.

Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata outlet tersebut perlu mendaftar di bawah AgroBazaar Online supaya sesi pembelian dan penghantaran boleh dibuat secara dalam talian.

"Outlet-outlet ini perlu ada nilai tambah, iaitu menerusi pemasaran secara online (dalam talian) yang kita gabungkan melalui AgroBazaar Online. Ia akan melaksanakan prapesanan dan penghantaran sekali.

"Kita kurangkan kos operasi, orang tidak perlu datang (ke kedai) tetapi barang boleh dihantar ke rumah, kita boleh juga wujudkan peluang pekerjaan untuk penghantaran," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian hadiah program Virtual MAFI Masak Challenge (MMC) di Ibu Pejabat FAMA di sini, hari ini.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata pembelian dalam talian kini menjadi trend dan usahawan perlu memanfaatkannya untuk penjimatan kos pengoperasian.

“Malah, penggunaan teknologi juga akan menyaksikan banyak penjimatan terutama kepada pengguna. Sebagai contoh, jika pengguna nak beli sayur, tidak lagi perlu keluar menggunakan kenderaan,” katanya.

Beliau turut mengucapkan syabas kepada FAMA kerana berjaya memastikan pertanian dan teknologi yang digunakan di negara ini setanding teknologi semasa yang diguna pakai di negara-negara maju.

Sebanyak 21 orang pemenang menerima hadiah bagi program MMC daripada dua kategori iaitu kategori pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta dan Awam serta kategori berpasangan iaitu seorang kanak-kanak dan seorang dewasa.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	BERNAMA	ONLINE	-

FAMA WANTS MORE OUTLETS TO USE AGROBAZAAR ONLINE TECHNOLOGY



KUALA LUMPUR, Nov 3 -- The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) will get more marketing outlets under the agency to use the e-commerce platform, AgroBazaar online.

FAMA director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli said the outlets had to be registered under Agro Bazaar Online for their purchase transaction and delivery to be done online.

"These outlets need to have added value, whereby through online marketing using AgroBazaar Online, the orders will be delivered.

"This reduces operation cost, customers do not have to come (to the store) but the goods can be delivered to their homes. This way, we can also create job opportunities, as delivery men," he told a press conference after the prize-giving ceremony for the Virtual MAFI Masak Challenge (MMC) at the FAMA Headquarters here, today.

Meanwhile, Agriculture and Food Industries Deputy Minister II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said the use of AgroBazaar online could reduce operating costs, including on transportation.

"FAMA has succeeded in moving forward to ensure that agriculture has progressed in line with current agricultural technologies that are used in many developed countries and Malaysia is not left behind in this aspect," he said.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	TV 1	BERITA NASIONAL	-

PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PEMASARAN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	-

CILI KERING KELUARAN TEMPATAN DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN



Peniaga Nazri Othman, 31, memegang cili kering yang sudah dipek pada program Jualan My Best Buy (MBB) di ibu pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) baru-baru ini.

KUALA LUMPUR, 2 Nov – Bermula dengan hanya menanam cili dalam 1,000 polibeg pada awal 2020, kini tanaman cili Imperia Asia International sudah mencecah 120,000 polibeg susulan permintaan menggalakkan.

Pengurus Projek Imperia Asia International, Amirul Syafiq Adnan, 35, berkata melalui projek penanaman cili di kawasan Teluk Intan, Perak itu, kini cili kering premium keluaran syarikat berkenaan sudah menembusi pasaran seluruh negara.

Syarikat pengeluar cili kering premium tempatan itu kini berupaya menjual antara 500 hingga 600 paket cili kering sehari secara dalam talian kepada pelanggannya di seluruh negara dan sejak jualan cili kering bermula Jun lepas, anggaran nilai jualan produk setakat ini adalah RM65,000.

“Kita secara rasmi mula menjual (cili kering) pada Jun (2021), dan semua bermula (penanaman dan penjualan) di Teluk Intan, Perak.

“Bila sambutan banyak, cili pula tak cukup. Alhamdulillah FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) bantu kami untuk menubuhkan RPKP (Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran), dan kita dibenarkan untuk menawarkan kontrak kepada peladang-peladang kecil sebab di kawasan Teluk Intan banyak peladang kecil,” katanya ketika ditemui Bernama di Program My Best Buy (MBB) di Ibu Pejabat FAMA di sini.

Amirul Syafiq berkata melalui kontrak berkenaan, syarikatnya membeli cili daripada penanam cili setempat untuk diproses menjadi cili kering premium.

Menurutnya, kontrak RPKP yang ditandatangani itu memberi manfaat kepada kedua-dua pihak apabila Imperia Asia dapat bekalan cili dan pada masa sama memudahkan pekebun kecil memasarkan tanaman cili mereka.

Amirul Syafiq berkata melalui kerjasama dengan FAMA itu juga pihaknya sudah memulakan usaha untuk memasarkan produk cili kering premium keluaran syarikatnya ke luar negara.

Beliau berkata buat permulaan, syarikatnya akan memasarkan produk cili kering itu ke Korea Selatan, Hong Kong, Jepun dan Taiwan sebelum mengembangkannya ke negara-negara Timur Tengah.

“Jadi kita sedang berusaha mendapatkan segala pensijilan, status halal dan GMP (Amalan Pengeluaran Baik) untuk memastikan kualiti (cili kering) sentiasa terjamin. Kita nak pasarkan ke luar (negara) supaya satu dunia tahu cili Malaysia macam mana.

“Kita tidak mahu jual cili murah tapi mahu jual cili premium di luar negara, kalau kita boleh masuk ke pasaran negara maju lagi bagus,” katanya.

Amirul berkata produknya boleh didapati di kedai dalam talian Shopee, atau media social Facebook dan Instagram Imperia Asia Agro Farm.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	WACANA.MY	ONLINE	-

FAMA BANTU RINGANKAN BEBAN RAKYAT



Pengarah Fama Pahang, Saiful Sadri mengagihkan sayuran dan pisang berangan kepada ibu tunggal di perkarangan Kolej Komuniti Pekan.

PEKAN, 3 November – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang membelanjakan sebanyak RM15,000 bagi menjayakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin sepanjang tahun ini.

Pengarah Fama Pahang, Saiful Sadri berkata, tujuan utama program berkenaan diadakan untuk membantu meringankan beban mereka yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kini memasuki tahun kedua.

Menurutnya, selain pelbagai sayuran jenis daun dan buah pihaknya turut menyediakan buah-buahan tempatan seperti nangka, pisang, tembikai, durian dan cempedak. Turut disediakan produk industri asas tanī.

Katanya, selain membantu golongan memerlukan program MAFI Prihatin turut dapat membantu memasarkan hasil pertanian sebanyak 15 tan keluaran lebih 134 usahawan Fama di negeri ini.

“Sepanjang tahun ini kita mengadakan pelbagai program CSR dibawah MAFI Prihatin membabitkan sumbangan sayuran dan buah-buahan kepada petugas barisan hadapan, rumah kebajikan, asnaf, mangsa bencana alam dan mereka yang terkesan dengan PKP.

“Kita juga turut memberikan kira-kira 2.5 tan keledak, pisang dan labu manis kepada Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah Lanchang, Temerloh yang menempatkan 32 ekor gajah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas program MAFI Prihatin yang mengagihkan sebanyak 850 kilogram sayuran dan pisang berangan kepada 100 ketua isi rumah (KIR) Ibu Tunggal secara pandu lalu di perkarangan Kolej Komuniti Pekan, di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Pengarah (Pembangunan) Fama Pahang, Yazid Yusob dan Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar/Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Noranyza Mohamad Yusoff.

Pada program berkenaan Kolej Komuniti Pekan turut menyampaikan bantuan food bank berupa keperluan asas kepada 100 KIR ibu tunggal daerah ini. Saiful berkata, bantuan MAFI Prihatin Fama Pahang setakat ini memberi manfaat kepada 1,500 keluarga termasuk enam usahawan pemuliharaan haiwan yang menternak landak raya.

Katanya, pihaknya akan terus mengadakan program MAFI Prihatin secara berperingkat dalam usaha membantu golongan memerlukan selain dapat memasarkan hasil pertanian usahawan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	-

DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2.0 RANCAKKAN INDUSTRI NANAS MALAYSIA



DAN 2.0 yang bersifat inklusif dalam pemodenan pembangunan pertanian negara serta jaminan bekalan makanan di bawah MAFI bakal merancaikan lagi industri nanas negara. - Foto Bernama

DASAR Agromakanan Negara (DAN 2.0) yang bersifat inklusif dalam pemodenan pembangunan pertanian negara serta jaminan bekalan makanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bakal merancaikan lagi industri nanas negara.

Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Nanas Malaysia (LPNM) Mohd Khairuzamri M. Salleh berkata, teras utama DAN 2.0 selari dengan matlamat agensi melihat agromakanan sebagai sektor mampan, berdaya tahan, berteknologi tinggi selain mampu memacu pertumbuhan ekonomi sekaligus meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

Menurut beliau, teras pertama yang mendukung pemodenan dan pertanian pintar, LPNM telah mula mengaplikasikan IR 4.0 iaitu revolusi pertanian internet benda (IoT) seperti penggunaan penderiaan jauh atau remote sensing dalam pembangunan tanaman nanas dengan kaedah pertanian pintar termasuk pembajaan, kesuburan tanah, pemantauan ladang dan pemasaran hasil.

“LPNM juga berkerjasama dengan institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi serta meningkatkan penglibatan holistik dengan sektor swasta dalam usaha melaksanakan penyelidikan, pembangunan, komersialisasi dan inovasi untuk memacu kesinambungan pembangunan teknologi dan produk baharu dalam sektor nanas,” katanya kepada Bernama pada Rabu.

Katanya, bagi teras kedua, pasaran domestik nanas kini mula mengukuh dengan peningkatan pengeluaran varieti premium MD2 yang telah diperkenalkan oleh LPNM dan ia mendapat permintaan pasaran yang tinggi di luar negara sekali gus akan memacu pertumbuhan eksport produk nanas Malaysia.

"LPNM menyasarkan untuk meningkatkan kawasan tanaman nanas negara kepada 20,000 hektar pada 2025 berbanding 17,000 hektar pada 2020 dengan sasaran peningkatan kadar peratusan tanaman nanas varieti MD2 daripada 15 peratus pada ketika ini kepada 50 peratus bagi menampung permintaan tinggi dalam pasaran domestik serta eksport," katanya.

Mohd Khairuzamri berkata, menerusi teras ketiga iaitu pembangunan bakat yang memenuhi permintaan industri pula, LPNM kini memfokuskan penglibatan golongan muda menerusi program agropreneur muda nanas.

Menurutnya, program agropreneur muda itu mampu memberi peluang kerjaya selain membantu golongan berkenaan memperoleh pendapatan yang baik bagi menyara kehidupan serta selari dengan hasrat kerajaan dalam mengatasi masalah belia atau graduan menganggur.

"Di bawah teras keempat iaitu pertanian yang mampan, penglibatan seramai mungkin pekebun nanas untuk mendapatkan pensijilan MyGAP (Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia) bukan sahaja dapat memenuhi produk pertanian berkualiti serta selamat untuk dimakan malah memudahkan pekebun untuk memasarkan produk mereka ke luar negara.

"Bagi sektor pengilangan dan industri kecil dan sederhana, LPNM memberi penekanan dan membimbing usahawan untuk mendapatkan pensijilan GMP, MeSTI, Halal dan sebagainya selain membantu meningkatkan kemahiran menghasilkan produk berkualiti serta dapat memenuhi permintaan pasaran," katanya.

Mohd Khairuzamri menjelaskan, LPNM telah memulakan program sisa sifar dalam membina kelestarian alam sekitar serta memanfaatkan sumber industri termasuk membangunkan produk hiliran daripada sisa pokok nanas termasuk benang serat nanas, kertas nanas dan makanan ternakan selain menjadi sumber alternatif dan tambahan pendapatan.

Katanya, bagi strategi serta pelan tindakan di bawah teras kelima pula, LPNM komited dalam merencanakan ekosistem perniagaan atau perusahaan yang kondusif serta kerangka institusi yang kukuh antaranya meningkatkan kerjasama dengan pemegang taruh seperti kerajaan negeri dalam membangunkan tanah untuk kawasan penanaman nanas yang bersepadu serta berimpak tinggi.

"Kami percaya sektor industri nanas negara diunjurkan akan terus berkembang sebanyak lima peratus setahun dengan eksport nanas negara telah mengalami peningkatan ketara iaitu sebanyak RM641 juta pada tahun 2020 berbanding RM138 juta pada tahun 2016.

"Insya-ALLAH pada tahun ini kami jangkakan nilai eksport nanas boleh melebihi RM700 juta, jadi ini adalah satu potensi yang baik," katanya. -Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	KOSMO	ONLINE	-

PESAWAH RUGI BENIH PADI HANYUT



ABD. RAZAK (kanan) bersama rakannya melihat sawah mereka yang rosak di Hutan Kampung, Alor Setar semalam.

ALOR SETAR – Seramai 60 pesawah di Hutan Kampung di sini kerugian kira-kira RM100,000 selepas benih padi yang baru di-tabur rosak akibat ditenggelami banjir sejak seminggu lalu.

Kejadian mengakibatkan benih padi tersebut tenggelam dalam air sedalam 0.5 meter dalam tempoh lama sehingga menjadi masam dan rosak.

Kebanyakan pesawah di kawasan Hutan Kampung A dan B mula menabur benih padi sejak awal bulan lalu.

Pesawah, Abd. Razak Bahari, 63, berkata, banjir mengakibatkan benih padi yang ditabur tiga minggu lalu hanyut selain benih yang sudah bercambah mati akibat terendam.

“Saya terpaksa mencari benih padi baharu supaya dapat menabur semula, namun difahamkan stok simpanan benih padi di MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) sudah habis dan terpaksa mengharap benih padi di kedai.

“Sebelum ini saya beli benih padi di MADA pada harga RM35 satu beg dan apabila terpaksa membeli di kedai sudah pasti harganya naik antara RM40 hingga RM45 satu beg dan itu sudah pasti membebankan pesawah,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurutnya, dia mengalami kerugian kira-kira RM4,000 dalam kejadian tersebut. Abd. Razak berkata, masalah tersebut mungkin tidak berlaku jika benih padi sampai awal kepada pesawah dan mereka boleh menabur pada tarikh ditetapkan MADA iaitu pada 15 September lalu.

“Jika anak pokok padi telah besar, mungkin kerugian dapat dielakkan kerana akarnya sudah mula mencengkam tanah. Kelewatan benih padi pada hari ini terbukti beri masalah,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	-

68 KAMBING BOER SELUDUP DIRAMPAS



Antara kambing boer yang dirampas di Kampung Jubakar Darat, Tumpat tengah malam tadi selepas disyaki diseludup dari negara jiran. Foto Ihsan PGA

Tumpat: Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas 68 kambing baka boer yang dianggarkan bernilai RM102,000 di Kampung Jubakar Darat di sini, tengah malam tadi.

Pegawai Pemerintah Batalion 9 PGA Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, anggotanya sedang melakukan rondaan di kawasan terbabit sebelum ternampak sebuah lori dipandu dalam keadaan mencurigakan pada 12.30 tengah malam.

"Anggota kami mengarahkan pemandunya berhenti dan pemeriksaan di bahagian belakang kenderaan itu ditemukan 68 kambing baka boer.

"Apabila diminta mengemukakan dokumen atau permit sah membawa muatan kambing itu, pemandu berusia 37 tahun itu gagal berbuat demikian," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.


Nor Azizan berkata, kambing itu dipercayai diseludup dari Thailand untuk pasaran tempatan dan luar Kelantan bergantung kepada permintaan.

Katanya, kambing, kenderaan serta pemandu lori dibawa ke Balai Polis Simpangan untuk laporan dan tindakan selanjutnya.

"Semua kambing itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	-

UNIMAP CIPTA MESIN AUTOMASI PERTANIAN



Menuju kepada era automasi, setiap industri perlu memulakan langkah awal termasuk segmen pertanian.

Untuk itu, sekumpulan pengkaji serta penyelidik daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengambil inisiatif berkenaan untuk menghasilkan 'Mesin Pengkelasan dan Pengredan Automasi Buah Harumanis'.

Naib Canselornya, Prof Dr Zaliman Sauli berkata, buah mangga harumanis ini adalah 'tanda unik' segmen pertanian di Perlis dan pihaknya memikirkan satu inisiatif untuk memastikan tugas pengredan serta pengkelasan dapat dilaksanakan secara lebih sistematik.

"Pada tahun lalu, sekumpulan pengkaji dan penyelidik kita daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE) mula membangunkan mesin pintar ini.

"Pertambahan hasil mangga harumanis dan usahawan tani setiap tahun, ia memberi satu bentuk keperluan untuk prasarana tambahan bagi tujuan menjalankan aktiviti pengkelasan dan pengredan buah," katanya dalam satu siaran akhbar, sebentar tadi.



Pada masa sama, kumpulan penyelidik berkenaan diketuai oleh Dr Fathinul Syahir Ahmad Saad, Dr Noor Shazliana Aizee Abidin, Dr Mohamad Khairul Bin Ali Hassan dan Mohd Firdaus Ibrahim berjaya membangunkan mesin berkenaan.

Susulan kejayaan itu, Zaliman berkata, pihaknya menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Naswira Enterprise bagi pelesenan mesin itu.

"Menerusi perjanjian ini, mesin berkenaan menjadi hakcipta terpelihara UniMAP dan digunakan oleh Naswira Enterprise bagi meningkatkan keupayaan Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis.

"Ia juga dapat membantu pekebun Mangga Harumanis bagi menampung keperluan dan meningkatkan keupayaan seiring dengan pertambahan hasil pertanian," katanya.

Mesin ini perlu digunakan supaya pengelasan dan pengredan buah Mangga Harumanis ini dapat dipiawaikan mengikut keseragaman standard.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

ARNAB BAWA REZEKI



MOHD. Rashid Jamion bersama arnab yang ditenaknya secara separuh masa di Jalan Lapis 1, Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN: Dek kerana minat terhadap ternakan arnab, seorang eksekutif audit membuktikan tugas hakiknya tidak menghalang kepada aktiviti yang turut memberi pendapatan sampingan kepadanya selama ini.

Bermula 2019, Mohd. Rashid Jamion, 36, hanya memperuntukkan modal RM1,000 untuk memelihara sembilan ekor arnab tanpa bangsal atau pondok yang khusus di Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, di sini.

Namun, berkat kegigihannya berulang-alik dari Pasir Gudang untuk memantau ternakan di kampung, dia kini membina kandang dengan kos kira-kira RM8,000 bagi menempatkan arnab induk, arnab jantan, anak-anak arnab dan arnab dewasa.

“Daripada sembilan ekor arnab tersebut, ketika ini saya sudah mempunyai 156 ekor arnab induk, 16 arnab jantan dan anak arnab yang masih menyusu pula 120 ekor manakala arnab dewasa sudah mencecah 220 ekor.

“Alhamdulillah walaupun berlainan latar belakang kerjaya sebagai juruaudit di tempat kerja di Masai, saya cuba untuk memahami selok belok ternakan arnab yang mudah berbanding aktiviti ternakan lain,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia, semalam.

Kata Mohd. Rashid, komitmennya itu juga membolehkan dia sering pulang ke kampung untuk menjenguk kedua-dua orang tuanya, Jamion Sahali, 74, dan ibunya, Wagiah Othman, 68, yang semakin uzur.

“Saya tinggal di Bandar Seri Alam, namun berada di ladang ternakan pada setiap hujung minggu serta pada hari Rabu bagi proses membiakkan arnab,” ujarinya yang turut menyertai kursus ternakan arnab pedaging di Batu Pahat selain di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Selain jualan arnab hidup baka New Zealand White dan Rex dengan harga RM100 hingga RM180 seekor, Mohd. Rashid turut menjual arnab jantan sebagai hiasan yang berharga RM150 seekor dan RM250 pula bagi arnab betina.

Mohd. Rashid menyembelih kira-kira 30 ekor arnab seminggu yang akan dijadikan sejuk beku secara usaha sama bersama rakannya yang mempunyai kemudahan tempat penyembelihan dan penyimpanan. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2021	SABAH NEWS.COM	ONLINE	-

STF AGRICULTURE BANTU RINGKANKAN BEBAN PETANI BUAH-BUAHAN DI BEAUFORT



Arlinsia (dua dari kanan) bersama Dr Ronald Fung (dua dari kiri) dan Jamilah Lee (kiri) menyampaikan sumbangan baja organik kepada penerima di Beaufort...

KOTA KINABALU, SABAH – Nasib petani buah-buahan di Beaufort yang sedang mengalami musim buah terburuk tahun ini mendapat perhatian STF Agriculture Sdn Bhd.

Ia merupakan sebuah syarikat tempatan yang menjalankan penternakan ayam berintegrasi.

Pengurus syarikat Dr Ronald Fung kelmarin menyumbangkan 56 tan baja organik sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab korporat sosial (CSR) syarikat untuk membantu meringankan beban petani dan menyediakan mereka untuk musim buah yang akan datang.

Sumbangan itu disampaikan kepada wakil penanam buah-buahan yang berdaftar di bawah Program Ladang Kontrak Perbadanan Kemajuan Luar Bandar (KPD).

Majlis itu disaksikan oleh Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, Arlinsia Agang dan Pengurus Besar KPD Jamilah Lee.

“Kementerian sentiasa mengalu-alukan sebarang inisiatif sektor swasta untuk membantu petani meningkatkan pengeluaran mereka, khususnya dalam mempromosikan hasil organik, supaya kita dapat meletakkan Sabah sebagai salah satu pengeluar premium makanan mampan dan selamat di rantau ini...

“Saya memuji STF Agriculture Sdn Bhd atas kemurahan hati mereka hari ini dan saya yakin penerima akan menggunakan baja ini dengan baik terutamanya kerana baja ini lebih mesra alam berbanding baja kimia,” kata Agang.

Beliau menyatakan harapannya agar syarikat lain di Sabah akan mengambil inisiatif yang sama untuk menyokong industri pertanian tempatan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Pengurus Besar KPD, Andree Funk dan Rosnih Othman serta Pengurus Wilayah KPD (Pantai Barat) Sintar Laus.